

Bomba perlu masa sebulan periksa maahad tahfiz berdaftar di seluruh negara

CAMERON HIGHLANDS - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memerlukan masa sekurang-kurangnya sebulan bagi membuat pemeriksaan dan mengesan permasalahan semua maahad tahfiz berdaftar di seluruh negara.

Tanpa menyatakan jumlah sebenar maahad tahfiz berdaftar, Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim berkata, jabatan berkenaan turut memberi maklum balas kepada kabinet dari semasa ke semasa mengenai perkara berkaitan.

Pada masa sama, katanya, pihak jabatan menghadapi kesukaran mendapatkan maklumat dalam mengesan maahad tahfiz tidak berdaftar di seluruh negara bagi pemeriksaan keselamatan bangunan.

"Oleh itu, kita minta semua pihak termasuk Jabatan Agama Islam supaya menyalurkan maklumat berkaitan maahad tahfiz yang tidak berdaftar bagi mengelak insiden di pusat tahfiz Darul Quran Itifaqiyah berulang.

"Kita akui memang terdapat kesukaran. Ini kerana senarai maahad yang tidak berdaftar tiada dalam rekod Jabatan Agama Islam dan sememangnya kita memerlukan masa," katanya selepas majlis perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Ringlet di sini semalam.

Majlis itu disempurnakan Exco Perumahan dan Perbandaran negeri Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Dalam pada itu, Wan Mohd. Nor berkata, sebanyak 15 balai bomba baharu di seluruh negara termasuk di Ringlet telah dan akan beroperasi tahun ini.

Balai Ringlet merupakan balai bomba ke-23 yang dibina di Pahang dan pada asalnya merupakan tapak Relas sebelum dinaik taraf dengan kos hampir RM500,000 untuk pembinaan bangunan.